

Headline	Harapan dan destini yang sama		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Jun 2015	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	11	ArticleSize	440 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 5,733	PR Value	RM 17,200



# Harapan dan destini yang sama

**D**ALAM kekecohan di persekitaran politik yang telah mempunyai tempias kepada masyarakat dan ekonomi, bermacam-macam analisis timbul. Kebanyakannya berkitar pada kesan-kesan politik khususnya kepada orang Melayu dan UMNO.

Ramai yang gusar dan khuatir tentang masa depan orang Melayu dan Bumiputera. Tidak kurang pula yang risau tentang kedudukan UMNO sebagai pejuang politik penentu masa depan bangsa. Kerap kali kerunsingan tersebut berkitar pada isu bangsa dan parti.

Sebenarnya kita perlu melihat lebih meluas dan lebih menyeluruh. Isu-isu yang timbul bukan semata-mata berkaitan dengan UMNO atau bangsa. Perlu dipandang dari segi kepentingan dan masa depan negara itu sendiri.

Setiap langkah diambil mesti berpremiskan kedudukan negara yang sekarang dan masa depan akan berterusan menghadapi saingan. Segala-galanya akan bergantung kepada apa yang berlaku pada negara, pucuk pangkalnya 'kesihatan' negara akan menentukan segala-galanya. Tidak kira nasib dan masa depan mana-mana kaum atau kumpulan!

Apabila kita memikirkan nasib bangsa, kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa perlu ada beberapa prasyarat yang penting.

Pertama, perlu ada parti politik yang cukup kukuh dan berupaya untuk menubuhkan kerajaan. Kerajaan itu pula mesti ditadbir urus sebaik mungkin, supaya dapat memenuhi aspirasi rakyat berbilang kaum dan keturunan.

Tadbir urus negara bukan semata-mata dalam konteks politik, tetapi sama pentingnya dalam konteks ekonomi, dan sosiobudaya. Jelas bahawa tadbir urus negara bukan merupakan polemik dan retorik semata-mata. Bidang ini tiada kaitan secara langsung dengan penentuan arah haluan negara seterusnya.

Ada pihak yang mengutarakan pendapat bahawa parti sedang berada pada persimpangan jalan seperti orang Melayu juga dianggap menghadapi persimpangan itu.

Sebenarnya penyelesaian berada dalam tangan kita sebagai warganegara. Yang perlu ialah kita fikir dengan objektif dan mendalam apakah yang sebenarnya keutamaan kita dan apa sebenarnya yang kita hasratkan?

Apakah polemik yang berputar sekarang didorongi oleh satu atau lebih perkara-perkara berikut, antara lain:

\* Semata-mata mengganti pemimpin dengan mengeksploitasi masalah-masalah yang sedang dihadapi dan menonjolkan sesiapa jua yang dirasakan lebih sesuai, biasanya dari perspektif yang subjektif

\* Mencari sebab untuk menukar kerajaan iaitu mengambil kesempatan daripada isu-isu yang sedia ada atau yang sengaja diada-adakan. Ini pasti cita-cita besar parti-parti pembangkang.

\* Atau adakah kita sebenarnya seperti kata orang tua-tua, "...cubit paha kanan, paha kiri pun merasa sakit" dan "menepuk air di dulang, akan mercik ke muka sendiri" atau mungkin hakikatnya ialah seperti "bapa borek anaknya rintik".

Sudah sampai masanya dihentikan kemelut yang membelenggu kita. Dan menghentikan apa jua perbuatan dan kata-kata yang semata-mata seperti "menuang minyak ke dalam api".

Jika api itu menyala dan semarak berleluasa, pasti tidak akan dapat lagi dikawal. Api itu akan membakar kita semua yang ada. Negara akan tergugat dan rakyat akan rugi.

Pesanan mengatakan bahawa ada tiga perkara yang tidak akan diperoleh semula iaitu, kata-kata yang telah dilafazkan, air yang telah mengalir, dan masa yang telah berlalu.

"Kita tidak mempunyai masa dan banyak masa telah pun dihabiskan dengan polemik dan retorik yang dilemparkan antara satu dengan lain, iaitu menconteng arang ke muka sesama sendiri. Pasti kita sesama hodoh dan buruk dipandang oleh orang lain.

\* Kata-kata berbisa, tajam dan kerap kali keterlaluan telah dilafazkan. Semuanya didorong oleh niat dan motif yang sebenarnya hanya diketahui oleh Yang Maha Esa, tidak kira apa jua alasan yang diberi.

Air telah banyak mengalir, entah ke mana. Mengapa tidak kita berpegang kepada pepatah, "air yang dicincang tidak akan putus". Mengapa kita tidak berusaha mencari punca-punca persamaan di antara kita dan mengukuhkan semula kedudukan kita?

Bersatu, Bersetia, Berkhidmat. Jangan sekali-kali kita menghampakan harapan rakyat berbilang kaum kepada kita untuk memastikan masa depan mereka yang lebih cerah.

Mereka mengharapkan kita yang memegang tampuk kerajaan, memperbetulkan apa-apa kejanggalan dalam tadbir urus. Meneruskan usaha membangunkan masyarakat dan negara untuk dimanfaatkan oleh mereka.

Jangan sekali-kali kita kesal kemudian kerana tiada

gunanya. Jangan dimasukkan pasir ke dalam periuk nasi kita sendiri dalam keghairahan tuduh-menuduh dan menunjukkan siapa juara dan siapa lebih baik.

Masa tidak menyebelahi kita. Rakyat dan dunia, melihat dan meneliti segala pementasan politik kita. Reaksi mereka pasti antara menggeleng kepala dengan tumpang mengutuk!

Banyak tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan demi menentukan dengan sebaik mungkin destini dan masa depan kita bersama.

Dan sekali lagi ditegaskan, masa tidak menunggu kita!

**TAN SRI RAFIDAH AZIZ** pernah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen selama 35 tahun, menteri selama 28 tahun dan Ahli Majlis Tertinggi UMNO selama 38 tahun. Beliau kini ialah Profesor Adjung di Kolej Penerimaan Universiti Utara Malaysia (UUM) selain menjadi Pengerusi

Headline	Harapan dan destini yang sama		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Jun 2015	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	11	ArticleSize	440 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 5,733	PR Value	RM 17,200

AirAsiaX, Megasteel dan Pinewood Iskandar Malaysia Studio.



**Setiap langkah diambil  
mesti berpremiskan  
kedudukan negara  
sekarang dan masa  
depan yang berterusan  
menghadapi saingan.  
Segala-galanya  
bergantung kepada**

**apa yang berlaku  
pada negara,  
pucuk pangkalnya  
'kesihatan' negara  
akan menentukan  
segala-galanya.**



**Kita tidak mempunyai  
masa dan banyak masa**

**telah pun dihabiskan  
dengan polemik  
dan retorik yang  
dilemparkan antara  
satu dengan lain, iaitu  
menconteng arang ke  
muka sesama sendiri.  
Pasti kita sesama hodoh  
dan buruk dipandang  
oleh orang lain.**